

Berke dim

OLEH

ARIF BIN KASIM.

BERKEDIM

Satu Proses Bersudara Dalam Adat Perpatih

Oleh
ARIFF BIN KASIM

ADAT Perpatih dapat dikatakan sebagai satu adat yang agak unik kerana ia mempunyai beberapa ciri yang mungkin tidak terdapat dalam adat-adat lain khususnya dalam Adat Temenggung.

Satu daripada ciri-ciri itu ialah adanya proses yang dipanggil 'berkedim'. 'Kedim' mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka oleh T. Iskandar ialah 'saudara'. Jadi 'berkedim' ialah satu proses menjadikan seseorang itu saudara dalam satu-satu famili Suku. Dalam etiketa lain berkedim ialah satu proses menganak-angkat (adoption). Tapi proses dan implikasi berkedim adalah berbeza dengan 'adoption' yang terdapat atau dipraktikkan dalam masyarakat di luar adat. Berkedim biasanya dilakukan di kalangan anggota masyarakat adat. Jika ini dilakukan di kalangan 'family circle' atau

perut' maka pengkediman itu dipanggil 'tarik'. Berkedim juga boleh dilakukan terhadap orang-orang di luar adat sama ada Melayu, Cina atau India.

Kebanyakan orang yang dijadikan kedim ialah perempuan. Ini ialah kerana ia ada kaitan dengan sistem pewarisan harta pusaka dalam adat di mana harta pusaka diperturunkan melalui pihak ibu dan bukan bapa seperti adat di luar adat.

Terdapat dua jenis kedim yang utama dalam Adat Perpatih ini. Yang pertama ialah Kedim Adat dan yang kedua Kedim Adat dan Pusaka. Kedim Adat tidak memberi hak kepada kedim tadi untuk mewarisi harta pusaka ibu angkatnya tapi masih lagi berhak ke atas harta pusaka ibu kandungnya jika kedim itu dari Adat Perpatih. Ini juga berlaku kepada kedim dari luar adat.



Oleh kerana tidak melibatkan harta pusaka, maka kedim jenis ini tidak memerlukan surat pengakuan pengkediman rasmi secara legal. Walau bagaimanapun upacara kenduri biasanya diadakan juga. Oleh kerana kedim jenis ini tidak melibatkan harta pusaka maka kedim jenis ini jarang dilakukan di kalangan masyarakat adat kerana tidak ada sesuatu yang significant yang boleh didapati dari berkedim jenis ini. Bagaimanapun wang sebanyak \$7.00 sebagai 'wang adat' diberikan juga kepada buapak yang berkenaan sebagai 'sedehak'.

Bagi kedim Adat dan Pustaka ipula ia melibatkan hal-hal legal dan tresam. Oleh kerana ia melibatkan harta pusaka maka surat pengakuan pengkediman rasmi secara legal mestilah diadakan. Surat itu mestilah mempunyai cap Lembaga atau Penghulu atau Luak yang

berkenaan. Jika tidak surat itu dianggap tidak sah di mana surat asal itu mestilah disimpan di Pejabat Daerah berkenaan sebagai simpanan rekod rujukan. Dalam kedim jenis ini satu upacara yang dipanggil 'mencecah darah' mestilah diadakan. Upacara ini tidak berlaku pada kedim adat. Dan upacara ini merupakan satu kemestian dari segi adat.

Upacara 'mencecah darah' ini merupakan satu majlis perasmian tentang orang yang akan dikedim itu. Upacara ini melibatkan penyembelian kambing atau kerbau. Ia dilakukan biasanya pada siang hari atas sebab masa. Semasa kambing atau kerbau hendak disembelih bakal kedim, waris dari A (pihak yang melepaskan bakal kedim dari Suku Aceh sebagai contoh) dan B (pihak yang bakal menerima bakal kedim dari Suku

Biduanda sebagai contoh) termasuk kedua-dua buapak dari dua pihak tadi serta Lembaga atau Penghulu (kalau hadir) akan turut menyaksikan upacara penyembelihan itu. Jika semua waris-waris yang terlibat tidak dapat hadir atas sebab-sebab tertentu maka seorang wakil mestilah hadir sebagai saksi penyembelihan itu. Ini adalah untuk mengelakkan daripada terjadinya penipuan dari segi membeli daging atau kepala kambing di kedai kerana cara ini dianggap tidak sah dan melanggar adat 'mencecah darah'.

Darah dari haiwan yang disembelih tadi diambil dalam mangkuk dan dimasukkan ke dalam dulang yang berisi di antara lebih ii) perasap iaitu tempat bara kemenyan ii) bedak limau iii) alat perenjis yang terdiri dari daun-daun sepuleh, sambau, hati-hati dan serusa. Upacara 'mencecah darah' dilakukan di serambi rumah di mana bakal kedim akan diapit oleh A dan B serta waris-warisnya. Pada waktu itulah upacara menandatangani surat pengkedian rasmi dijalankan dengan saksi-saksi tertentu menandatangani surat itu. Pada waktu inilah bakal kedim tadi akan diperkenalkan kepada bakal waris-waris barunya. juga waris-waris lamanya supaya semuanya dapat mengenali bakal kedim tadi. Bagi yang tahu membaca dikehendaki membaca isi kandungan surat pengkedian itu sebagai satu cara angkat sumpah.

Setelah selesai upacara menandatangani surat pengkedian itu maka dulang yang mengandungi perasap, bedak limau, perenjis dan darah tadi pun dibawa ke hadapan Buapak dari Suku yang akan



menerima bakal kedim tadi. Beliaulah yang akan menjalankan upacara 'mencecah darah'. Sebelum darah dicalitkan ke dahi bakal kedim tadi, Buapak pun melafazkan kata-kata yang berbunyi lebih kurang begini:

"Sekarang engkau saya kedimkan dengan Si B dan engkau telah jadi saudara Si B dunia akhirat.

Pusaka sama digilirkan

Kebesaran sama dituturkan".

Setelah lafaz itu selesai diucapkan maka bakal kedim itupun ditepung tawarkan oleh buapak tadi dengan menggunakan alat perenjis dan bedak limau. Bakal kedim tadi juga dikenakan asap kemenyan dari perasap yang disediakan dalam dulang tadi. Kemudian barulah bakal kedim itu dicalitkan darah di dahinya oleh buapak tadi sebanyak sekali. Selesai sahaja ia dicalit

dengan darah tadi doa selamat pun dibaca seperti juga dalam doa selamat kenduri-kenduri yang lain. Dengan ini sahlah kedim tadi dari segi adat dan undang-undang.

Penyaksian di waktu menyembelih dan ketika diadakan upacara mencecah darah dan memperkenalkan kedim kepada waris-waris lama dan baru adalah seperti kata perbilangan:

Ke langit sama dibentangkan

Ke bumi sama diselakan.

Yang bermaksud bahawa semua waris dan masyarakat tempatan akan tahu kedim itu dan tidak ada sesuatu yang dirahsiakan. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang salah faham atau pertelingkahan yang mungkin berlaku kerana falsafah Adat Perpatih ialah muafakat, rasa bersatu dan bergotong royong.

Sayugia diingat bahawa tarik adalah jenis kedim Adat dan Pusaka kerana si kedim berhak mewarisi harta pusaka ibu angkatnya seperti kata perbilangan:

Ayam ditambah diberi makan

Orang ditarik diberi harta.

Bagaimanapun ia akan secara otomatis hilang hak mewarisi harta pusaka ibu kandungnya dan juga hak bersuara kerana ia telah dianggap putus hubungan darah dari ibu kandungnya, adik beradik dan waris-waris sesuku yang lain. Tapi ia mempunyai hak, obligasi dan sebagainya yang baru terhadap ibu bapa, waris-waris serta anggota suku barunya.

Ada beberapa sebab mengapa adat berkedim ini dilakukan; di antaranya adalah seperti berikut: (i) mengadakan waris bagi harta pusaka kerana perempuan tua berkenaan tidak mempunyai anak perempuan atau anak langsung, (ii)

tidak mahu harta pusaka ibu jatuh kepada waris lain kerana tidak mempunyai adik beradik perempuan untuk mewarisi harta pusaka ibu, (iii) untuk membolehkan anak-anak mewarisi harta pusaka nenek mereka kerana ibu mereka adalah 'orang mendatang' iaitu dari luar Adat Perpatih, (iv) membolehkan seseorang itu berkahwin walaupun berasal dari suku yang sama. Dalam hal ini salah seorang dari pasangan itu terpaksa berkedim sama ada kedim adat ataupun kedim Adat dan Pusaka kerana mengikut Adat Perpatih adalah dilarang berkahwin dari suku yang sama. Dengan itu salah seorang daripada mereka terpaksa keluar suku dan masuk ke suku yang lain. Ini menjadikan pasangan tadi berbeza dari suku dan dengan itu mereka boleh berkahwin, dan (v) dikatakan di zaman silam proses atau adat berkedim ini dilakukan atas sebab tukar-ganti tenaga. Misalnya apabila seorang anggota dari Suku Aceh didapati salah membunuh seorang anggota dari Suku Biduanda maka orang yang dibunuh itu perlu diganti kerana Suku Biduanda akan kekurangan tenaga. Untuk menggantikannya maka seorang dari Suku Aceh mesti dikedimkan ke Suku Biduanda. Orang yang dikedimkan itu mestilah mempunyai tenaga dan perawakan yang lebih kurang sama atau serupa dengan orang yang telah dibunuh tadi.

Demikianlah adat berkedim yang dilakukan di kalangan masyarakat Adat Perpatih. Adat ini kalau kita perhatikan telah dapat menolong menyelesaikan beberapa kebuntuan yang disebabkan oleh adat itu sendiri misalnya perkahwinan di kalangan anggota sesuku. ■